

TAJZI`AH AL-QURAN: KAJIAN TERHADAP PERIWAYATAN AL-DANI, AL-SAKHAWI DAN AL-SAFAQUSI DAN AMALAN SEMASA PERCETAKAN MUSHAF

FRAGMENTATION OF THE QURAN: A STUDY ON AL-DANI, AL-SAKHAWI, AL-SAFAQUSI'S NARRATION AND THE CURRENT PRACTICE OF PRINTED MUSHAF

Abd Muhammin bin Ahmad

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti sains Islam Malaysia

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

E-mail: muhaimin@usim.edu.my

ABSTRAK

Tajzi`ah al-Quran berperanan dalam penandaan kadar bacaan dan hafazan al-Quran. Terdapat perbezaan periwayatan *tajzi`ah* al-Quran di kalangan para ulama' dan *qurra'* di dalam karya-karya mereka. Bahkan perbezaan ini turut dilihat dalam percetakan mushaf al-Quran pada hari ini. Justeru kajian ini akan menganalisis periwayatan *tajzi`ah* al-Quran di dalam karya-karya ulama' dengan menjadikan *al-Bayan fi `Addi Ayi al-Quran* karya al-Dani, *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'* karya al-Sakhawi dan *Ghaith al-Naf' fi al-Qira`at al-Sab'* karya al-Safaqusi sebagai bahan kajian. Seterusnya kajian ini membandingkan periwayatan ini dengan amalan semasa *tajzi`ah* al-Quran dalam percetakan Mushaf al-Quran di *Mujamma' Malik al-Fahd* di Madinah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan dengan melakukan analisis deskriptif dan perbandingan terhadap teks yang meriwayatkan *tajzi`ah* al-Quran dan juga amalan semasa dalam mushaf cetakan masa kini. Kajian ini mendapati bahawa sebahagian besar periwayatan *tajzi`ah* tersebut (20 juzuk) adalah disepakati oleh ketiga-tiga karya ini dan ia juga selari dengan *tajzi`ah* di dalam mushaf Madinah. Sebahagian periwayatan *tajzi`ah* ini tidak disepakati dan *tajzi`ah* mushaf Madinah adalah selari dengan salah satu periwayatan tersebut (9 juzuk). Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat satu *tajzi`ah* yang tidak disepakati oleh karya-karya ini dan *tajzi`ah* di dalam mushaf Madinah bagi juzuk tersebut tidak selari walau dengan salah satu periwayatan.

Kata kunci: *Tajzi`ah* al-Quran, percetakan mushaf, al-Dani, al-Sakhawi, al-Safaqusi.

ABSTRACT

The *tajzi`ah* (fragmentation) plays a role of quantifying the amount of reading and memorizing the Quran by *juz* (part or division). In classical and modern writings of Muslim scholars, there are different opinions about *tajzi`ah* the Quran that it has effect to printing of the Quran. Thus, this study will analyze some classical and medieval Quranic scholars' opinions in *tajzi`ah* the Quran with particular reference to *al-Bayan fi `Addi Ayi al-Quran* of al-Dani, *Jamal al-Qurra 'wa Kamal al-Iqra'* of al-Sakhawi and *Ghaith al-Naf 'fi al-Qira`at al-Sab'* of al-Safaqusi. Subsequently, their opinions will be compared with the current practice of the *tajzi`ah* in the *Mushaf al-Quran* printed by Mujamma' Malik al-Fahd in Medina. This qualitative study was conducted using content analysis methods through descriptive and comparative analysis of texts in accomodating scholars' opinions in *tajzi`ah* of the Quran along with the current practices in printed copy of the Quran. In this comparative analysis, most of the *tajzi`ah* (20 *juz*) of the *Mushaf Medina* in accordance with those three scholars' *tajzi`ah*. However, some of these *tajzi`ah* were not agreed by them, and the *tajzi`ah* of *Mushaf Medina* was only in agreement with one of them (9 *juz*). The study also found that one *tajzi`ah* has not been agreed by these three scholars as the printed *Mushaf Medina* was not in similarity by every possible means.

Keywords: *Tajzi`ah*, fragmentation of al-Quran, mushaf printing, al-Dani, al-Sakhawi, al-Safaqusi

1. PENDAHULUAN

Tajzi`ah al-Quran merujuk kepada usaha dan ijтиhad para ulama' di kalangan huffaz dan qurra' membahagikan al-Quran kepada bahagian-bahagian tertentu mengikut potongan-potongan (*maqati'*) ayat al-Quran dan tema-temanya.¹

Penelitian terhadap *tajzi`ah* al-Quran yang diriwayatkan oleh para ulama', dapat dilihat bahawa mereka membahagikan al-Quran kepada pembahagian yang pelbagai, seperti separuh al-Quran, *al-Athlath*, *al-Arba'*, *al-Akhmas*, *al-Asdas*, *al-Asba'*, *al-Athman*, *al-Atsa'*, *al-A'shar* dan sebagainya.² Walau bagaimanapun, *tajzi`ah* yang masyhur pada hari ini adalah pembahagian al-Quran kepada 30 juzuk. Tujuan *tajzi`ah* al-Quran ini adalah sebagai ransangan motivasi dan galakan bagi para *huffaz* al-Quran menghafaznya dan juga pembaca al-Quran untuk mengkhatamkan bacaan mereka.³

¹ . al-Jurmi, Ibrahim Muhammad. 2002. *Mu'jam 'Ulum al-Qur'an*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Hlmn. 79.

² . Lihat: al-Dani, 'Uthman bin Sa'id. 1994. *Al-Bayan fi 'Addi Ayi al-Quran*. Kuwait: Markaz al-Makhtutat wa al-Turath wa al-Watha'iq. Hlmn. 300-320.

³ . al-Qadhi, 'Abd al-Fattah 'Abd al-Ghani. T.t. *Tarikh al-Mushaf al-Syarif*. Kaherah: Maktabah al-Jundi. Hlmn. 48. Sya'ban Muhammad Ismail. 2012. *Rasm al-Mushaf wa Dabtuh*. Kaherah: Dar al-Salam. Hlmn. 90.

Tajzi`ah al-Quran telah bermula semenjak zaman sahabat RA lagi. Ini dikuatkan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Aus bin Huzaifah, beliau bertanya para sahabat Rasulullah SAW:

"كَيْفَ يُحْزِبُونَ الْقُرآنَ؟ قَالُوا: ثَلَاثٌ، وَخَمْسٌ، وَسَبْعٌ، وَتِسْعٌ، وَإِحْدَى عَشَرَةَ، وَثَلَاثَ عَشَرَةَ، وَجَزْبٌ
الْمُفْصَلُ وَحْدَهٔ"

Maksudnya:

"Bagaimana para sahabat membahagikan al-Quran?". Mereka berkata: "Tiga (surah), lima (surah), tujuh (surah), sembilan (surah), sebelas (surah), tiga belas (surah), dan bahagian surah-surah *al-mufassal*".⁴

Meskipun secara umumnya *tajzi`ah* al-Quran ini telah bermula pada zaman sahabat RA lagi, namun, para ulama' berbeza pendapat dalam menentukan siapakah yang membahagikan al-Quran kepada pembahagian yang masyhur, iaitu pembahagian al-Quran kepada 30 juzuk. Sebahagian besar mereka menyatakan bahawa *tajzi`ah* ini berlaku dengan pada zaman Hajjaj bin Yusof al-Thaqafi (95H).⁵ Walau bagaimanapun, di sana terdapat pendapat yang menyatakan bahawa perkara tersebut bermula pada zaman al-Mansur al-`Abbasi (158H) yang meminta `Amr bin `Ubaid melakukan *tajzi`ah* al-Quran supaya mudah untuk dihafaz.⁶

Di antara kitab-kitab utama yang meriwayatkan *tajzi`ah* al-Quran ini adalah *al-Bayan fi `Addi Ayi al-Quran* karya al-Dani, *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'* karya al-Sakhawi dan *Ghaith al-Naf fi al-Qira`at al-Sab'* karya al-Safaqusi. Kitab-kitab ini menjadi antara sumber utama bagi *tajzi`ah* dalam percetakan al-Quran pada hari ini.⁷

Namun berdasarkan penelitian terhadap periyawatan kitab-kitab ini, didapati terdapat perbezaan periyawatan *tajzi`ah* al-Quran di dalamnya. Bahkan perbezaan ini turut dilihat dalam percetakan mushaf al-Quran pada hari ini.⁸ Justeru kajian ini akan menganalisis periyawatan *tajzi`ah* al-Quran, dengan menjadikan *al-Bayan fi `Addi Ayi al-Quran* karya al-Dani, *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'* karya al-Sakhawi dan *Ghaith al-Naf fi al-Qira`at al-Sab'* karya al-Safaqusi sebagai bahan kajian. Seterusnya kajian ini membandingkan periyawatan ini dengan amalan semasa *tajzi`ah* al-Quran dalam Mushaf al-Quran Madinah yang dicetak berdasarkan

⁴. Abu Daud, Sulaiman bin Asy`at. 2009. *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar al-Risalah al-`Alamiyyah. Jld. 2. Hlmn. 541. No. Hadith: 1393. Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Risalah al-`Alamiyyah. Jld. 2. Hlmn. 370. No. Hadith: 1345.

⁵. Lihat: al-Dani. *Al-Bayan fi `Addi Ayi al-Quran*. Hlmn. 300. Al-Sakhawi. `Ali bin Muhammad. 1410H. *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah. Jld. 1. Hlmn. 386-392. Ibn Taimiyyah, Ahmad bin Abd al-Halim. 1995. *Majmu' al-Fataawa*. Madinah: Mujamma' al-Malik al-Fahd. Jld. 13. Hlmn. 409.

⁶. Lihat: `Abd al-Haq `Abd al-Daim. 1410H. *Tahqiq Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*. Jld. 1. Hlmn. 382-382.

⁷. Ghanim Qadduri al-Hamid. 2006. *Abhath fi Ulum al-Quran*. Amman: Dar `Ammar. Hlmn. 151.

⁸. Ibid. Hlmn. 151.

riwayat bacaan Hafs daripada ‘Asim, yang merupakan mushaf yang paling masyhur dan banyak digunakan oleh umat Islam pada hari ini.

Pengenalan al-Dani, al-Sakhawi dan al-Safaqusi

Berikut adalah biografi ringkas para ulama’ yang karya-karya mereka menjadi bahan teks kajian ini:

Al-Dani

Beliau merupakan Abu `Amr Uthman bin Sa`id al-Dani. Gelaran al-Dani merupakan sandaran kepada sebuah kota di Andalusia (selatan Sepanyol), iaitu al-Daniyah. Para sarjana berselisih pendapat berkenaan tarikh kelahiran beliau, di mana al-Dzahabi dan Ibn al-Jazari menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada tahun 371H, manakala Yaqt al-Hamawi dalam *Mu`jam Al-Udaba* mengatakan beliau lahir 372H di al-Daniyah Andalusia.

Al-Dani menuntut ilmu ke seluruh wilayah Andalusia, kemudian tahun 398H beliau pergi ke Qoiruan, Tunisia dan kemudian ke wilayah Mesir, Mekah, Madinah dan lain-lain. Beliau merupakan tokoh besar di dalam bidang qiraat menerusi karya-karya agung beliau (*magnum opus*) seperti *al-Taisir fi al-Qiraat al-Sab'*, *al-Muqni'* dan *al-Bayan fi 'Addi Ayi al-Qur'an*. Pada tahun 398H beliau kembali ke Andalusia sehingga wafat di al-Daniyah pada tahun 444H.⁹

Al-Sakhawi

Beliau merupakan Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad al-Sakhawi. Beliau masyhur dengan gelaran al-Sakhawi, yang merupakan sandaran kepada *Sakha*, iaitu daerah kecil yang terletak di barat Mesir (sekarang dikenali sebagai *Kufr al-Syaikh*).

Menurut Ibn Khallikan, al-Sakhawi dilahirkan pada tahun 558H. Beliau mula menuntut ilmu di daerah kelahirannya iaitu *Sakha*, kemudian bermusafir ke Iskandariyah, Kaherah dan ke Damsyiq bagi menuntut pelbagai ilmu khususnya ilmu qiraat dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya. Di antara guru beliau adalah al-Qasim bin Firruh al-Syatibi, dan beliau merupakan ulama’ pertama yang menjelaskan (*syarh*) matan al-Syatibiyyah di dalam kitab beliau *Fath al-Wasid Syarh al-Qasid*. Al-Sakhawi wafat di Damsyiq pada tahun 643H.¹⁰

Al-Safaqusi

⁹ . Lihat: al-Dzahabi, Muhammad bin Ahmad. 1997. *Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar 'ala al-Tabaqat wa al-A'sar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jld. 1. Hlmn. 226. Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. 2006. *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qura'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jld. 1. Hlmn. 503. al-Humawi, Yaqt bin `Abdullah. 1993. *Mu'jam al-Udaba*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami. Jld. 4. Hlmn. 1603.

¹⁰ . Lihat: al-Dzahabi. *Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar 'ala al-Tabaqat wa al-A'sar*. Jld. 1. Hlmn. 226. al-Humawi. 1993. *Mu'jam al-Udaba*. Jld. 4. Hlmn. 1603.

Beliau merupakan Abu al-Hasan `Ali bin Salim al-Nuri al-Safaqusi. Al-Safaqusi merupakan sandaran kepada sebuah bandar di persisiran pantai selatan Tunisia. Beliau dilahirkan pada tahun 1053H.

Pengajian ilmu beliau bermula di Tunisia, selepas itu beliau bermusafir ke Mesir untuk menuntut ilmu di sana. Beliau kembali semula ke Safaqus untuk menyebarkan ilmu pada tahun 1078H. Beliau wafat pada tahun 1118H.¹¹

¹¹ . Lihat: al-Zarikli, Khair al-Din. 2002. *al-A'lam*. Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayin. Jld. 5. Hlmn. 14. Makhluf, Muhammad bin Muhammad. 2010. *Syajarah al-Nur al-Zakiyyah fi Tabaqat al-Malikiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 1. Hlmn. 464-466.

2. HASIL DAN PERBINCANGAN

Perbandingan Periwayatan *Tajzi`ah* al-Quran di Antara al-Dani, al-Sakhawi dan al-Safaqusi

Berikut merupakan senarai ayat juzuk sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Dani, al-Sakhawi, al-Safaqusi dan sebagaimana yang tercatat di dalam mushaf cetakan Madinah al-Munawwarah (al-Dani: 1994, al-Safaqusi: 1999):¹²

Tajzi`ah Yang Disepakati:

Terdapat 20 juzuk di dalam al-Quran yang periwayatannya disepakati oleh al-Dani, al-Sakhawi, al-Safaqusi dan *tajzi`ah* di dalam mushaf cetakan Madinah al-Munawwarah adalah selari periwayatan tersebut. Ia adalah sebagaimana berikut:

Juzuk	Al-Dani	Al-Sakhawi	Al-Safaqusi	Mushaf Madinah
1		تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُمْ مَا كَسَبْتُمْ وَلَا تُشْعُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ <small>(al-Baqarah: 141)</small>	تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُمْ مَا كَسَبْتُمْ وَلَا تُشْعُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ	تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُمْ مَا كَسَبْتُمْ وَلَا تُشْعُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ <small>(al-Baqarah: 141)</small>

¹² . al-Dani. *Al-Bayan fi 'Addi Ayi al-Quran*. Hlmn. 317-320. al-Sakhawi. *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*. Jld. 1. Hlmn. 417-427. al-Safaqusi, `Ali bin Salim. 1999. *Ghaith al-Naf`fi al-Qira`at al-Sab'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Hlmn.50-330.

2	<p>٤٢ تِلْكَ ءَايَتُ اللَّهِ نَّتَلوُهَا عَيْنَكَ بِالْحَقِّ وَإِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ</p> <p>(al-Baqarah: 252)</p>	<p>٤٢ تِلْكَ ءَايَتُ اللَّهِ نَّتَلوُهَا عَيْنَكَ بِالْحَقِّ وَإِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ</p> <p>(al-Baqarah: 252)</p>
4	<p>٣٣ وَأَنْ تَجْمِعُوا بَيْنَ الْأَخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا</p> <p>(al-Nisa': 23)</p>	<p>٣٣ وَأَنْ تَجْمِعُوا بَيْنَ الْأَخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا</p> <p>(al-Nisa': 23)</p>
5	<p>١٤٧ مَا يَفْعَلُ اللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِنْ شَكَرْتُمْ وَأَمْنَشْتُمْ وَكَانَ اللَّهُ شَاكِرًا عَلَيْمًا</p> <p>(al-Nisa': 147)</p>	<p>١٤٧ مَا يَفْعَلُ اللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِنْ شَكَرْتُمْ وَأَمْنَشْتُمْ وَكَانَ اللَّهُ شَاكِرًا عَلَيْمًا</p> <p>(al-Nisa': 147)</p>
7	<p>١١٠ وَنَقْلِبُ أَفَدَتَهُمْ وَأَبْصَرَهُمْ كَمَا لَمْ يُؤْمِنُوا بِهِ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَنَذَرُهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَلُونَ</p> <p>(al-An`am: 110)</p>	<p>١١٠ وَنَقْلِبُ أَفَدَتَهُمْ وَأَبْصَرَهُمْ كَمَا لَمْ يُؤْمِنُوا بِهِ أَوَّلَ مَرَّةٍ</p>

		وَنَذَرُهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ  (al-An`am: 110)
9	وَلَئِنْ تَوَلَّوْا فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَوْلَانَا كُمْ نَعْمَ الْمَوْلَى وَنَعْمَ النَّصِيرٍ ﴿٤٠﴾ (al-Anfal: 40)	وَلَئِنْ تَوَلَّوْا فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَوْلَانَا كُمْ نَعْمَ الْمَوْلَى وَنَعْمَ النَّصِيرٍ ﴿٤٠﴾ (al-Anfal: 40)
10	وَلَا عَلَى الَّذِينَ إِذَا مَا أَتَوكَ لِتَحْمِلَهُمْ قُلْتَ لَا أَجِدُ مَا أَحْمِلُكُمْ عَلَيْهِ تَوَلَّوْا وَأَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ حَزَنًا أَلَا يَحْدُوْ مَا يُنْفِقُونَ ﴿٩٢﴾ (al-Taubah: 92)	وَلَا عَلَى الَّذِينَ إِذَا مَا أَتَوكَ لِتَحْمِلَهُمْ قُلْتَ لَا أَجِدُ مَا أَحْمِلُكُمْ عَلَيْهِ تَوَلَّوْا وَأَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ حَزَنًا أَلَا يَحْدُوْ مَا يُنْفِقُونَ ﴿٩٢﴾ (al-Taubah: 92)
12	ذَلِكَ لِيَعْلَمَ أَنِّي لَمْ أَخْنُهُ بِالْغَيْبِ وَأَنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي كَيْدَ الْخَابِرِينَ ﴿٥٢﴾ (Yusuf: 52)	ذَلِكَ لِيَعْلَمَ أَنِّي لَمْ أَخْنُهُ بِالْغَيْبِ وَأَنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي كَيْدَ الْخَابِرِينَ ﴿٥٢﴾ (Yusuf: 52)

13	<p>هَذَا بَلَغٌ لِلنَّاسِ وَلَيُنَذَّرُوا بِهِ وَلَيَعْلَمُوا أَنَّمَا هُوَ إِلَهٌ وَحْدٌ وَلَيَذَّكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ٥٣</p> <p>(Ibrahim: 52)</p>	<p>هَذَا بَلَغٌ لِلنَّاسِ وَلَيُنَذَّرُوا بِهِ وَلَيَعْلَمُوا أَنَّمَا هُوَ إِلَهٌ وَحْدٌ وَلَيَذَّكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ٥٤</p> <p>(Ibrahim: 52)</p>
14	<p>إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقُوا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ ١٢٨</p> <p>(al-Nahl: 128)</p>	<p>إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقُوا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ ١٢٩</p> <p>(al-Nahl: 128)</p>
15	<p>فَانظَرْلَقَا حَتَّى إِذَا لَقِيَا عُلَمَاءَ فَقَتَلَهُو قَالَ أَقْتَلْتَ نَفْسًا زَكِيَّةً بِغَيْرِ نَفْسٍ لَقَدْ جِئْتَ شَيْئًا تُنكِرًا ٧٦</p> <p>(al-Kahfi: 74)</p>	<p>فَانظَرْلَقَا حَتَّى إِذَا لَقِيَا عُلَمَاءَ فَقَتَلَهُو قَالَ أَقْتَلْتَ نَفْسًا زَكِيَّةً بِغَيْرِ نَفْسٍ لَقَدْ جِئْتَ شَيْئًا تُنكِرًا ٧٧</p> <p>(al-Kahfi: 74)</p>
16	<p>قُلْ كُلُّ مُتَرِّصٍ فَتَرِصُوا فَسَتَعْلَمُونَ مَنْ أَصَحَّبُ الْصِرَاطَ الْأَسْوَىٰ وَمَنْ أَهْتَدَى ١٣٥</p> <p>(Taha: 135)</p>	<p>قُلْ كُلُّ مُتَرِّصٍ فَتَرِصُوا فَسَتَعْلَمُونَ مَنْ أَصَحَّبُ الْصِرَاطَ الْأَسْوَىٰ وَمَنْ أَهْتَدَى ١٣٦</p> <p>(Taha: 135)</p>

17	<p>فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا رَأَيْتُمُ الظُّلْمَ فَنَعِمْ أَمْوَالَهُ وَنَعِمْ النَّصِيرُ ﴿٧٨﴾</p> <p>(al-Haj: 78)</p>	<p>فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا رَأَيْتُمُ الظُّلْمَ فَنَعِمْ أَمْوَالَهُ وَنَعِمْ النَّصِيرُ ﴿٧٨﴾</p> <p>(al-Haj: 78)</p>
19	<p>أَئِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ بِالرِّجَالِ شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ﴿٥٥﴾</p> <p>(al-Naml: 55)</p>	<p>أَئِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ بِالرِّجَالِ شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ﴿٥٥﴾</p> <p>(al-Naml: 55)</p>
20	<p>أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِيمِ الصَّلَاةَ إِذَا الصَّلَاةَ تَنَاهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾</p> <p>(al-'Ankabut: 45)</p>	<p>أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِيمِ الصَّلَاةَ إِذَا الصَّلَاةَ تَنَاهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾</p> <p>(al-'Ankabut: 45)</p>
23	<p>ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ عِنْدَ رَبِّكُمْ تَخْتَصِمُونَ ﴿٣١﴾</p> <p>(al-Zumar: 31)</p>	<p>ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ عِنْدَ رَبِّكُمْ تَخْتَصِمُونَ ﴿٣١﴾</p> <p>(al-Zumar: 31) ﴿٣١﴾</p>

26	<p>قَالُوا كَذَلِكَ قَالَ رَبُّكَ إِنَّهُ هُوَ الْحَكِيمُ الْعَلِيمُ ﴿٣﴾</p> <p>(al-Dzariyat: 30)</p>	<p>قَالُوا كَذَلِكَ قَالَ رَبُّكَ إِنَّهُ هُوَ الْحَكِيمُ الْعَلِيمُ ﴿٣﴾</p> <p>(al-Dzariyat: 30)</p>
27	<p>إِنَّا لَا يَعْلَمُ أَهْلُ الْكِتَابِ إِلَّا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّنْ فَضْلِ اللَّهِ وَإِنَّ الْفَضْلَ بِيَدِ اللَّهِ يُؤْتَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ دُوْلُ الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٦﴾</p> <p>(al-Hadid: 29)</p>	<p>إِنَّا لَا يَعْلَمُ أَهْلُ الْكِتَابِ إِلَّا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّنْ فَضْلِ اللَّهِ وَإِنَّ الْفَضْلَ بِيَدِ اللَّهِ يُؤْتَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ دُوْلُ الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٦﴾</p> <p>(al-Hadid: 29)</p>
28	<p>وَمَرِيمَ ابْنَتَ عِمْرَانَ أُلْقَى أَحْصَنَتْ فَرَجَهَا فَفَخَنَّا فِيهِ مِنْ رُوحِنَا وَصَدَّقَتْ بِكَلِمَاتِ رَبِّهَا وَكُتُبِهِ وَكَانَتْ مِنَ الْقَدِيرَتَيْنِ ﴿١٢﴾</p> <p>(al-Tahrim: 12)</p>	<p>وَمَرِيمَ ابْنَتَ عِمْرَانَ أُلْقَى أَحْصَنَتْ فَرَجَهَا فَفَخَنَّا فِيهِ مِنْ رُوحِنَا وَصَدَّقَتْ بِكَلِمَاتِ رَبِّهَا وَكُتُبِهِ وَكَانَتْ مِنَ الْقَدِيرَتَيْنِ ﴿١٢﴾</p> <p>(al-Tahrim: 12)</p>
30	<p>مِنَ الْحِجَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٧﴾</p> <p>(al-Nas: 6)</p>	<p>مِنَ الْحِجَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٧﴾</p> <p>(al-Nas: 6)</p>

Tajzi`ah Yang Tidak Disepakati

Terdapat sembilan juzuk di dalam al-Quran yang periyatannya tidak disepakati oleh al-Dani, al-Sakhawi, al-Safaqusi dan *tajzi`ah* juzuk-juzuk tersebut di dalam mushaf Madinah adalah selari dengan salah satu periyatan tersebut. Ia adalah sebagaimana berikut:

Juzuk	Al-Dani	Al-Sakhawi	Al-Safaqusi	Mushaf Madinah
6	<p>وَلَوْكَأَنُوا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالنَّبِيِّ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مَا أَنْخَذُوهُمْ أُولَئِكَ وَلَكِنَّ كَثِيرًا مِنْهُمْ فَسِقُوتَ ﴿٨١﴾ (al-Maidah: 81)</p>	<p>وَلَوْكَأَنُوا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالنَّبِيِّ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مَا أَنْخَذُوهُمْ أُولَئِكَ وَلَكِنَّ كَثِيرًا مِنْهُمْ فَسِقُوتَ ﴿٨١﴾ (al-Maidah: 81)</p> <p>ذَلِكَ بِأَنَّ مِنْهُمْ قَسِيسِينَ وَرُهْبَانًا وَأَدَمَّهُمْ لَا يَسْتَكْرِهُونَ ﴿٨٢﴾ (al-Maidah: 82)</p> <p>وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَاحْذَرُوا فَإِنْ تَوَلَّتُمْ فَاعْلَمُوا أَنَّمَا عَلَى رَسُولِنَا الْبَلَغُ الْمُبِينُ ﴿٩٦﴾ (al-Maidah: 92)</p>	<p>وَلَوْكَأَنُوا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالنَّبِيِّ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مَا أَنْخَذُوهُمْ أُولَئِكَ وَلَكِنَّ كَثِيرًا مِنْهُمْ فَسِقُوتَ ﴿٨١﴾ (al-Maidah: 81)</p>	<p>وَلَوْكَأَنُوا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالنَّبِيِّ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مَا أَنْخَذُوهُمْ أُولَئِكَ وَلَكِنَّ كَثِيرًا مِنْهُمْ فَسِقُوتَ ﴿٨١﴾ (al-Maidah: 81)</p>

8	<p>فَاصْبِرُوا حَتَّىٰ يَحْكُمَ اللَّهُ بَيْنَنَا وَهُوَ خَيْرُ الْحَكَمِينَ ﴿٨٧﴾</p> <p>(al-A'raf: 87)</p>	<p>فَاصْبِرُوا حَتَّىٰ يَحْكُمَ اللَّهُ بَيْنَنَا وَهُوَ خَيْرُ الْحَكَمِينَ ﴿٨٧﴾</p> <p>(al-A'raf: 87)</p>	<p>فَاصْبِرُوا حَتَّىٰ يَحْكُمَ اللَّهُ بَيْنَنَا وَهُوَ خَيْرُ الْحَكَمِينَ ﴿٨٧﴾</p> <p>(al-A'raf: 87)</p>	
11	<p>وَاتَّبَعَ مَا يُوحَىٰ إِلَيْكَ وَاصْبِرْ حَتَّىٰ يَحْكُمَ اللَّهُ وَهُوَ خَيْرُ الْحَاكِمِينَ</p> <p>(Yunus: 109) ﴿١٠٩﴾</p>	<p>وَاتَّبَعَ مَا يُوحَىٰ إِلَيْكَ وَاصْبِرْ حَتَّىٰ يَحْكُمَ اللَّهُ وَهُوَ خَيْرُ الْحَاكِمِينَ</p> <p>(Yunus: 109) ﴿١٠٩﴾</p>	<p>وَاتَّبَعَ مَا يُوحَىٰ إِلَيْكَ وَاصْبِرْ حَتَّىٰ يَحْكُمَ اللَّهُ وَهُوَ خَيْرُ الْحَاكِمِينَ</p> <p>(Yunus: 109) ﴿١٠٩﴾</p>	<p>أَلَا إِنَّهُمْ يَشْتُونَ الصُّدُورَ لَيَسْتَخْفُوا مِنْهُ أَلَا حِينَ يَسْتَغْشُونَ ثِيَابَهُمْ يَعْلَمُ مَا يُسْرُونَ وَمَا يُعْلَمُونَ إِنَّهُ وَعِلْمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ</p> <p>(Hud: 5) ﴿٥﴾</p>

	<p>أَلَا إِنَّهُمْ يَتَنَوَّنَ صُدُورُهُمْ لَيَسْتَحْفُوا مِنْهُ أَلَا حِينَ يَسْتَعْشُونَ شَيْأَهُمْ يَعْلَمُ مَا يُسْرُونَ وَمَا يُعْلِمُونَ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الْأَصْدُورِ</p> <p>(Hud: 5) ﴿٥﴾</p>	<p>وَلِئِنْ أَذْفَنَهُ نَعْمَاءَ بَعْدَ ضَرَاءَ مَسَّتُهُ لِيَقُولَنَّ ذَهَبَ السَّيِّئَاتُ عَنِّي إِنَّهُ لَفَرِحٌ فَخُورٌ</p> <p>(Hud: 10)</p>	
18	<p>وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِيَعْصِي فِتْنَةً أَتَصْبِرُونَ وَكَانَ رَبُّكَ بَصِيرًا</p> <p>﴿٢٠﴾</p> <p>(al-Furqan: 20)</p>	<p>وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِيَعْصِي فِتْنَةً أَتَصْبِرُونَ وَكَانَ رَبُّكَ بَصِيرًا</p> <p>﴿٢٠﴾</p> <p>(al-Furqan: 20)</p>	<p>وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِيَعْصِي فِتْنَةً أَتَصْبِرُونَ وَكَانَ رَبُّكَ بَصِيرًا</p> <p>﴿٢٠﴾</p> <p>(al-Furqan: 20)</p>

		<p>* وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا لَوْلَا أُنْزَلَ عَلَيْنَا الْمَلِئَكَةُ أَوْ نَرَى رَبَّنَا لَقَدْ أَسْتَكْبَرُوا فِي أَنفُسِهِمْ وَعَنَّ عُوتَّا كَيْرًا ﴿٦﴾ (al-Furqan: 21)</p>		
21		<p>يَنِسَاءَ الَّتِي مَنْ يَأْتِ مِنْكُنَّ بِفَحْشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ يُضَعَّفُ لَهَا الْعَذَابُ ضَعْفَيْنِ وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣﴾ (al-Ahzab: 30)</p> <p>مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّنْ رِّجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّنَ وَكَانَ اللَّهُ يَعْلَمُ شَيْءًا عَلِيمًا ﴿٤﴾ (al-Ahzab: 40)</p>	<p>يَنِسَاءَ الَّتِي مَنْ يَأْتِ مِنْكُنَّ بِفَحْشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ يُضَعَّفُ لَهَا الْعَذَابُ ضَعْفَيْنِ وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣﴾ (al-Ahzab: 30)</p>	<p>يَنِسَاءَ الَّتِي مَنْ يَأْتِ مِنْكُنَّ بِفَحْشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ يُضَعَّفُ لَهَا الْعَذَابُ ضَعْفَيْنِ وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣﴾ (al-Ahzab: 30)</p>

22	<p>بِمَا عَفَرَ لِي رَبِّي وَجَعَلَنِي مِنَ الْمُكَرَّمِينَ ﴿٢٧﴾ (Yasin: 27)</p> <p>قِيلَ أَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَالَ يَكْتَبَ فَرَحِي يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾ (Yasin: 26)</p>	<p>بِمَا عَفَرَ لِي رَبِّي وَجَعَلَنِي مِنَ الْمُكَرَّمِينَ ﴿٢٧﴾ (Yasin: 27)</p>	<p>بِمَا عَفَرَ لِي رَبِّي وَجَعَلَنِي مِنَ الْمُكَرَّمِينَ ﴿٢٧﴾ (Yasin: 27)</p>
24	<p>مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا وَمَا رَبُّكَ بِظَلَمٍ لِّلْعَيْدِ ﴿٤٦﴾ (Fussilat: 46)</p> <p>إِنَّ الَّذِينَ قَاتَلُوا رَبِّنَا اللَّهَ ثُمَّ أَسْتَقْلَمُوا تَنَزَّلَ عَلَيْهِمُ الْمَلَكِيَّةُ أَلَا تَخَافُوا وَلَا تَحْزُنُوا</p>	<p>مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا وَمَا رَبُّكَ بِظَلَمٍ لِّلْعَيْدِ ﴿٤٦﴾ (Fussilat: 46)</p>	<p>مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا وَمَا رَبُّكَ بِظَلَمٍ لِّلْعَيْدِ ﴿٤٦﴾ (Fussilat: 46)</p>

		<p>وَأَنْشُرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾ (Fussilat: 30)</p> <p>وَلَقَدْ أَتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ فَأَخْتَلَفَ فِيهِ وَلَوْلَا كَلِمَةً سَبَقَتْ مِنْ رَبِّكَ لِفَضْلِهِ بَيْنَهُمْ وَإِنَّهُمْ لَفِي شَكٍ مِّنْهُ مُرِيبٌ ﴿٤٥﴾ (Fussilat: 45)</p>		
25	<p>وَلَهُ الْكِبِيرَيَاءُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٣٧﴾ (al-Jathiyah: 37)</p>	<p>وَلَهُ الْكِبِيرَيَاءُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٣٧﴾ (al-Jathiyah: 37)</p>	<p>وَلَهُ الْكِبِيرَيَاءُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٣٧﴾ (al-Jathiyah: 37)</p>	<p>وَلَهُ الْكِبِيرَيَاءُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٣٧﴾ (al-Jathiyah: 37)</p>

		<p>وَإِذَا قِيلَ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَالسَّاعَةُ لَا رَيْبَ فِيهَا فُلِتُمْ مَا نَدَرِي مَا الْسَّاعَةُ إِنْ تَنْظُنْ إِلَّا ظَانًا وَمَا نَحْنُ بِمُسْتَيْقِنِينَ</p> <p>(al-Jathiyah: 32) ﴿٣٢﴾</p>		
29	<p>فِيَّا حَدِيثٌ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٠﴾</p> <p>(al-Mursalaat: 50)</p>	<p>فِيَّا حَدِيثٌ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٠﴾</p> <p>(al-Mursalaat: 50)</p> <p>إِنَّا أَنذَرْنَاهُ عَذَابًا قَبِيلًا يَوْمَ يَنْظُرُ الْمَرءُ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ وَيَقُولُ الْكَافِرُ يَكْلِيَّتِنِي كُنْتُ تُرْبَأِ ﴿٤٩﴾</p> <p>(al-Naba': 40)</p>	<p>فِيَّا حَدِيثٌ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٠﴾</p> <p>(al-Mursalaat: 50)</p>	<p>فِيَّا حَدِيثٌ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٠﴾</p> <p>(al-Mursalaat: 50)</p>

Terdapat satu juzuk di dalam al-Quran yang periyatannya tidak disepakati oleh al-Dani, al-Sakhawi, al-Safaqusi dan *tajzi`ah* juzuk tersebut di dalam mushaf Madinah adalah tidak selari dengan salah satu periyatan tersebut. Ia adalah sebagaimana berikut:

Juzuk	Al-Dani	Al-Sakhawi	Al-Safaqusi	Mushaf Madinah
3	<p>أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَصِيرٍ ﴿٩١﴾ (Ali-'Imran: 91)</p>	<p>أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَصِيرٍ ﴿٩١﴾ (Ali-'Imran: 91)</p> <p>إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ ثُمَّ أَرْدَادُوا كُفُرًا لَنْ تُقْبَلَ تُوَبَّهُمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الضَّالُّونَ ﴿٩٠﴾ (Ali-'Imran: 90)</p> <p>قُلْ صَدَقَ اللَّهُ فَاتَّسِعْ أَمْلَأَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٥﴾ (Ali-'Imran: 95)</p>	<p>أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَصِيرٍ ﴿٩١﴾ (Ali-'Imran: 91)</p>	<p>أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَصِيرٍ ﴿٩١﴾ (Ali-'Imran: 92)</p>

3. PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada jadual perbandingan di atas, didapati bahawa periwayatan *tajzi'ah* al-Quran yang disepakati oleh ketiga-tiga karya ini sebanyak dua puluh (20) juzuk, iaitu juzuk satu (1), dua (2), empat (4), lima (5), tujuh (7), sembilan (9), sepuluh (10), dua belas (11), tiga belas (13), empat belas (14), lima belas (15), enam belas (16), tujuh belas (17), sembilan belas (19), dua puluh (20), dua puluh tiga (23), dua puluh enam (26), dua puluh tujuh (27), dua puluh lapan (28) dan tiga puluh (30). Selain dua puluh (20) tempat atau juzuk ini disepakati oleh ketiga-tiga karya ini, *tajzi'ah* di dalam mushaf Madinah juga dicetak selari dengan pendapat tersebut.

Sebahagian periwayatan *tajzi'ah* ini tidak disepakati oleh ketiga-tiga karya ini, iaitu sebanyak sembilan (9) juzuk iaitu juzuk enam (6), lapan (8), sebelas (11), lapan belas (18), dua puluh satu (21), dua puluh dua (22), dua puluh empat (24), dua puluh lima (25) dan dua puluh sembilan (29), dan *tajzi'ah* juzuk-juzuk tersebut di dalam mushaf Madinah adalah selari dengan salah satu periwayatan tersebut.

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat satu *tajzi'ah* yang tidak disepakati oleh karya-karya ini, iaitu juzuk tiga (3) dan percetakan mushaf Madinah tidak selari walau dengan salah satu periwayatan-periwayatan tersebut. Walau bagaimanapun, periwayatan *tajzi'ah* bagi juzuk tiga Mushaf Madinah ini adalah selari dengan apa yang dinyatakan oleh al-Mukhallati di dalam kitab beliau *Irsyad al-Qurra' wa al-Katibin*, meskipun periwayatan tersebut sebenarnya berbeza daripada sumber asalnya iaitu kitab *Ghaith al-Naf' fi al-Qira'at al-Sab'* karya *al-Safaqusi*.

4. KESIMPULAN

Tajzi'ah al-Quran yang masyhur pada hari ini adalah pembahagian al-Quran kepada 30 juzuk. Kajian ini mendapati bahawa sebahagian besar periwayatan *tajzi'ah* tersebut (20 juzuk) adalah disepakati oleh ketiga-tiga karya ini dan ia juga selari dengan *tajzi'ah* di dalam mushaf Madinah. Sebahagian periwayatan *tajzi'ah* ini tidak disepakati dan *tajzi'ah* mushaf Madinah adalah selari dengan salah satu periwayatan tersebut (9 juzuk). Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat satu *tajzi'ah* yang tidak disepakati oleh karya-karya ini dan *tajzi'ah* di dalam mushaf Madinah bagi juzuk tersebut tidak selari walau dengan salah satu periwayatan. Walaupun terdapat perselisihan di dalam periwayatan *tajzi'ah* al-Quran dalam karya-karya ini dan juga perselisihan *tajzi'ah* dalam percetakan mushaf, namun perkara ini hanya merupakan suatu ijtihad para ulama' dalam usaha mewujudkan ransangan motivasi dan galakan bagi para *huffaz* al-Quran menghafaznya dan juga pembaca al-Quran untuk mengkhatamkan bacaan mereka, dan ia bukan merupakan suatu yang *tawqifi* yang bersumberkan wahyu daripada Nabi Muhammad SAW.

RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Al-Quran al-Karim
- [2] `Abd al-Haq `Abd al-Daim. 1410H. *Tahqiq Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- [3] Abu Daud, Sulaiman bin Asy`at. 2009. Sunan Abi Daud. Beirut: Dar al-Risalah al-`Alamiyyah.
- [4] al-Dani, `Uthman bin Sa'id. 1994. *Al-Bayan fi `Addi Ayi al-Quran*. Kuwait: Markaz al-Makhtutat wa al-Turath wa al-Watha'iq.
- [5] al-Dzahabi, Muhammad bin Ahmad. 1997. *Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar `ala al-Tabaqat wa al-A`sar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- [6] Ghanim Qadduri al-Hamid. 2006. *Abhath fi Ulum al-Quran*. `Amman: Dar `Ammar.
- [7] al-Humawi, Yaqt bin `Abdullah. 1993. *Mu'jam al-Udaba'*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- [8] Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. 2009. Sunan Ibn Majah. Beirut: Dar al-Risalah al-`Alamiyyah.
- [9] al-Jurmi, Ibrahim Muhammad. 2002. *Mu'jam `Ulum al-Qur'an*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- [10] Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. 2006. *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qura'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- [11] Makhluf, Muhammad bin Muhammad. 2010. *Syajarah al-Nur al-Zakiyyah fi Tabaqat al-Malikiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- [12] Al-Mukhallilati, Ridhwan bin Muhammad. 2007. *Irsyad al-Qurra' wa al-Katibin ila Ma'rifati Rasm al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Maktabah al-Imam al-Bukhari li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- [13] al-Qadhi, `Abd al-Fattah `Abd al-Ghani. T.t. *Tarikh al-Mushaf al-Syarif*. Kaherah: Maktabah al-Jundi.
- [14] Al-Safaqusi, `Ali bin Salim. 1999. *Ghaith al-Naf'fi al-Qira`at al-Sab'*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- [15] Al-Sakhawi. `Ali bin Muhammad. 1410H. *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- [16] Sya'ban Muhammad Ismail. 2012. *Rasm al-Mushaf wa Dabtuh*. Kaherah: Dar al-Salam.

- [17] Ibn Taimiyah, Ahmad bin `Abd al-Halim. 1995. *Majmu' al-Fatawa*. Madinah: Mujamma' al-Malik al-Fahd.
- [18] `Umar bin Ridha, 1987. *Mu'jam al-Muallifin*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- [19] al-Zarikli, Khair al-Din. 2002. *al-A 'lam*. Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayin.